

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]  
**TARIKH :** 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

**SOALAN NO. 26**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan prestasi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dalam pelbagai bidang di peringkat nasional dan antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menunjukkan prestasi yang membanggakan dalam bidang-bidang tertentu di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sejak penubuhan pada tahun 2007, UMT telah melalui transformasi dari sebuah Kolej Universiti kepada IPTA yang menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik. Terdapat empat (4) institusi penyelidikan berkaitan iaitu Institut Oseanografi dan Sekitaran, Institut Akuakultur Tropika, Institut Bioteknologi Marin dan Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari. Selain itu, Unit Penyelidikan Penyu (SEATRU), UMT yang terletak di Pulau Redang merupakan sebuah pusat penyelidikan dan konservasi telah menerima pengiktirafan daripada UNESCO atas usaha-usaha yang dilaksanakan untuk menyelamatkan spesis penyu daripada kepupusan. UMT melalui

## NO. SOALAN: 26

Institut Bioteknologi Marin turut memiliki santuari khas untuk kajian spesis kuda laut yang pertama di Malaysia dan baru-baru ini telah menerima pengiktirafan daripada *The Malaysia Book of Records*.

Manakala penubuhan *INOS-Higher Institution Centre of Excellence* (HiCoE) sebagai pusat kecemerlangan telah melonjakkan nama UMT dalam bidang penyelidikan oseanografi dan sains marin di mana pusat ini mempunyai stesen-stesen penyelidikan di Pulau Bidong, Pulau Redang, Setiu Wetland termasuk Tasik Kenyir. Dalam masa yang sama, UMT turut memiliki *Maritime Logistics and Transport Centre* (MALTrac) yang berfungsi sebagai pusat pengangkutan dan logistik maritim pertama di Malaysia.

Di peringkat antarabangsa, UMT turut mendapat pengiktirafan khususnya dalam bidang berkaitan oseanografi seperti berikut :-

1. Penubuhan *Regional Training Centre* (RTC) pertama di Asia Pasifik bagi program *Ocean Teacher Global Academy* (OTGA);
2. Diiktiraf sebagai “Pusat Rujukan Asia” untuk *Ocean Biogeographic Information System* (OBIS) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan data oseanografi di Malaysia;
3. UMT merupakan satu-satunya universiti di Asia yang terpilih oleh *European Commission* (EU) sebagai rakan kerjasama penawaran program TROPIMUNDO iaitu program pengajian Master Erasmus Mundus dalam bidang biodiversiti dan ekosistem tropika.

Selain UMT, UniSZA turut melakar nama sebagai universiti muda yang berprestasi memberansangkan. UniSZA, bermula dengan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), telah menghampiri usia 40 tahun sejak ditubuhkan pada tahun 1980. Sebagai perintis kepada Institusi Pengajian Tinggi Islam di Malaysia, KUSZA telah memberi impak besar kepada perkembangan bidang pengajian Islam setempat dan serantau. Tradisi Islamisasi ilmu yang merentasi disiplin dan bidang, diadun secara rapi untuk membina generasi insan berakhhlak, berketerampilan dan berbudaya kerja islami.

## **NO. SOALAN: 26**

Semua ini adalah hasil konsep pendidikan holistik yang menjadi roh kepada pendidikan di UniSZA selama ini. KUSZA dan kini UniSZA, secara lestari telah menjadikan tradisi integrasi ilmu naqli dan aqli sebagai medium penyebaran ilmu Islamisasi ke peringkat serantau.

UniSZA turut mengamalkan kaedah pembelajaran teradun dengan penghayatan nilai kerohanian dan keagamaan melalui konsep '*UniSZA blended learning with soul*'. Selain itu, UniSZA turut membangunkan dan menyelenggara sendiri pelantar pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang boleh dimanfaatkan oleh orang awam. Pelantar ini yang boleh dicapai di OCW.UNISZA.EDU.MY

Penglibatan UniSZA dalam bidang penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan juga menjanjikan masa depan yang lebih cemerlang. Sepanjang tahun 2019, UniSZA telah berjaya memperolehi dana penyelidikan sebanyak RM4.7 juta, termasuk geran antarabangsa, korporat dan kerajaan.

Pada tahun ini, prestasi cemerlang UniSZA ditandai oleh kejayaan-kejayaan warga akademiknya merangkul pelbagai anugerah dan pencapaian dalam pelbagai bidang. Antaranya anugerah *Prestigious Visiting Fellowship* di *Oxford Centre for Islamic Studies (OCIS)*, anugerah *Association of South-East Asian Pain Societies (ASEAPS) Young Scholar*, anugerah khas iaitu *Best Women Inventor* dan anugerah *Rising Star* di *Asia-Oceania Conference on Obesity*.

UniSZA turut aktif menjalankan kerjasama dengan pelbagai institusi antarabangsa dalam memastikan hubungan strategik universiti-industri-komuniti dipergiat dan dilaksanakan dengan jayanya. Peningkatan bilangan Memorandum Perjanjian (MoA) atau Memorandum Persefahaman (MoU) dari tahun 2016 berjumlah 87 meningkat ke 120 sehingga Oktober 2019 memperjelaskan lagi keaktifan UniSZA terhadap keperluan industri dan komuniti melalui penglibatan kepakaran yang ada.

UniSZA turut menandatangani MoU dengan Yayasan Diraja Sultan Mizan untuk pengambilan pelajar kategori B40. Melalui MoU ini, pelajar dari keluarga berpendapatan rendah (B40), yang merupakan Rakyat Terengganu Darul Iman yang berkelayakan tetapi tidak berjaya mendapat

## **NO. SOALAN: 26**

tempat di institusi pengajian tinggi, akan diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di UniSZA.

UniSZA telah menjalankan inisiatif awal dalam pelaksanaan projek khas berkaitan pendigitalan manuskrip Islam, yang merangkumi manuskrip alam Melayu dan Dunia Islam, dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Durham, United Kingdom, Arkib Negara Malaysia dan Muzium Negeri Terengganu. Perbincangan positif untuk kerjasama projek pendigitalan manuskrip juga telah diadakan bersama Khizanah Al-Qarawiyyin di Maghribi, Kerajaan Ajman di Emiriyah Arab Bersatu dan Universiti Sorbonne di Perancis.

Selain itu, UniSZA aktif menjalinkan kerjasama dengan pelbagai institusi antarabangsa, antaranya Program Mobiliti Kesukarelawanan Pemantapan Bahasa Arab di Kemboja, anjuran Fakulti Bahasa & Komunikasi dan Program Mobiliti berkredit di Morocco dan Turki oleh pelajar-pelajar Fakulti Bahasa & Komunikasi.

Sekian, terima kasih.